

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 104 ● 3 - 5 MAC 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## Rizab Melayu dibangunkan, tingkat nilai harta tanah penduduk

AZLAN ZAMBRY

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memberi tumpuan khusus dalam merancang pembangunan prasarana di kawasan rizab Melayu supaya kawasan tersebut tidak ketinggalan daripada

arus pembangunan pada masa hadapan.

Penekanan akan diberikan di kawasan Kuala Lumpur seperti di Kampung Sungai Pechala, Segambut dan Kampung Datuk Keramat yang mana fokus utama adalah untuk menaik taraf infrastruktur bagi mengimbangi pembangunan di sekeliling kawasan tersebut.

Ini kerana, berdasarkan penelitian yang dilakukan kerajaan, kebiasaanya berlaku ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan rizab Melayu dan di luar kawasan terlibat.

Ia berikutnya kebanyakannya pelaburan swasta dilakukan di kawasan luar rizab Melayu manakala pemilik rizab Melayu pula tidak mahu membuat pelaburan

atau membangunkan tanah mereka.

Justeru, kerajaan melihat pembangunan dan naik taraf prasarana di kawasan rizab Melayu perlu dilakukan dan ia memerlukan kerjasama pemilik tanah menerusi kaedah memajukan harta tanah masing-masing.

**BERITA LANJUT DI MUKA 2**

## Menteri Wilayah Persekutuan terima suntikan vaksin



**M**ENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa tidak melepaskan peluang mengambil suntikan Vaksin Pfizer BioNTech, selepas Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang

bermula 24 Februari lalu menyaksikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai penerima pertama.

Annuar menerima suntikan tersebut di Pejabat Kesihatan Kuala Lumpur kira-kira pukul 10

pagi, Selasa.

Pada program itu, jururawat Anita Mat Sin menjadi individu penting apabila dia diberi tanggungjawab untuk memvaksin figura nombor satu di Wilayah Persekutuan. WK

**Hannah Yeoh manipulasi fakta**

NAZWIN NAZRI

**KONTROVERSI**  
pembangunan membabitkan kawasan Taman Awam Bukit Kiara, Kuala Lumpur yang sering ditimbulkan Ahli Parlimen Segambut Hannah Yeoh menyukarkan 100 keluarga di rumah panjang Perumahan Awam Bukit Kiara menikmati kehidupan selesa selain terperangkap dalam 'rumah' daif di tengah kepesatan bandar.

Ahli Parlimen dipercayai tidak mengetahui persempadanan serta perbezaan lokasi dengan jelas sehingga mendorong penduduk setempat membantah pembangunan yang direncanakan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) khusus di kawasan Taman Awam Bukit Kiara.

**BERSAMBUNG DI MUKA 3**



**>> 11**

Naik taraf infrastruktur di Kampung Sungai Penchala, Segambut

# KWP fokus bangunkan kawasan rizab

AZLAN ZAMBRY

**K**EMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memberi tumpuan khusus dalam merancang pembangunan prasarana di kawasan rizab Melayu supaya kawasan tersebut tidak ketinggalan daripada arus pembangunan pada masa hadapan.

Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, bagi tujuan itu, pihaknya akan memberi penekanan supaya kawasan rizab Melayu yang ada di kawasan Kuala Lumpur seperti di Kampung Sungai Penchala, Segambut dan Kampung Datuk Keramat dinaik taraf khususnya aspek infrastruktur sekali gus mengimbangi pembangunan di sekeliling kawasan tersebut.

"Biasanya berlaku tidak keseimbangan pembangunan antara kawasan rizab Melayu dan di luar kawasan rizab Melayu. Kawasan luar rizab Melayu pelaburan swasta banyak, kemudian kerajaan pula

meningkatkan prasarana dan pemilik tanah pula memajukan harta tanah masing-masing.

"Sementara di kawasan rizab Melayu pemilik tanah tidak membuat pelaburan atau tidak mau membangunkan tanah mereka, maka prasarana juga tidak dinaik taraf dan akhirnya ia menjadi kampung-kampung yang tertinggal di dalam bandar.

"Jadi, saya mahu jabatan yang merancang termasuk DBKL, pejabat tanah dan agensi yang berkaitan untuk mengubah pendekatan dengan memberi tumpuan khusus pembangunan di kawasan rizab Melayu dan di kampung-kampung tradisi," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke Kampung Sungai Penchala pada Selasa.

Mengulas lanjut mengenai pembangunan di Kampung Sungai Penchala, Annuar berkata beliau meminta supaya kawasan itu tidak tertinggal dalam penyediaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 supaya pembangunan Sungai Penchala dapat dirancang ke hadapan.



ANNUAR (tengah) menelehi pelan pembangunan di Kampung Sungai Penchala pada sesi lawatannya Selasa lalu.

"Soal kedapatan, plot ratio dan pengezonan akan dilihat semula supaya Sungai Penchala mempunyai potensi bagi kawasan tertentu terutama bagi kawasan jajaran lebuh

raya agar ia dapat dibangunkan secara lebih menguntungkan pemilik tanah," katanya.

Beliau berkata, terdapat kawasan yang boleh dipelihara

serta dibangunkan untuk kawasan perumahan yang berkepadatan rendah.

"Semuanya mesti dilihat menyeluruh dan pembangunan mesti diseimbangkan dengan apa yang berlaku di sekitar Sungai Penchala.

"Konsep itu tidak terhad kepada Sungai Penchala sahaja tetapi kepada semua kawasan tanah rizab Melayu dan ia hendaklah dinaik taraf supaya nilai tanah itu akan menguntungkan pemilik tanah," katanya.

Sementara itu, Annuar mahu semua pihak termasuk penduduk dan persatuan penduduk untuk terlibat sama dalam membangunkan kawasan tersebut termasuk menyusun semula penjaja. **WK**

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



## Penduduk hargai komitmen KWP bangunkan Sungai Penchala

KOMITMEN yang ditunjukkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa untuk membangunkan infrastruktur dalam kawasan rizab Melayu khususnya di Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur amat dinanti-nantikan.

Ujar Pengerusi Persatuan Penduduk Kawasan Sungai Penchala, Shohaimy Saad, komit-

men yang diberikan itu akan memberi sinar baharu kepada warganya berikutnya usaha membaikkan pembangunan infrastruktur di kawasan itu sejak beberapa tahun lalu.

"Saya berpendapat ia tindakan yang sangat bagus kerana permohonan untuk menaik taraf kampung ini telah diusahakan sejak lama dahulu dan ia mendapat perhatian Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Projek menaik taraf kawasan kampung ini juga akan turut mengekalkan tradisi Melayu yang menjadi identiti kawasan ini selain memberikan imej baharu untuk Kampung Sungai Penchala," katanya kepada *Wilayahku* selepas Program Turun Padang Menteri Wilayah Persekutuan pada Selasa.



PENYUSUNAN semula penjaja di Kampung Sungai Penchala antara perkara yang menjadi tumpuan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa dalam membangunkan imej Kampung tradisi Melayu yang moden.

Menurutnya, penduduk kampung keseluruhan menyambut baik saranan Annuar yang mahu penglibatan persatuan dan penduduk dalam perancangan pembangunan di kawasan itu.

"Kelompok anak jati, tidak minta untuk dibangunkan projek mega, sebaliknya di Sungai Penchala, banyak kawasan masih ketinggalan termasuklah soal jalan raya, bekalan utiliti termasuk air dan elektrik juga masih bermasalah.

"Manakala bagi golongan yang membeli tanah di sini, mereka mahu membangunkan projek perumahan mewah dalam skala mega," katanya.

Jelasnya, walaupun mempunyai perbezaan pandangan dan pendekatan mengenai kaedah pembangunan

kampung, beliau lebih optimis mengenai cadangan Annuar untuk menumpukan pembangunan infrastruktur terlebih dahulu.

"Soal pokok pembangunan di sini adalah infrastruktur dan ia dipersempurna oleh menteri. Bagi pihak penduduk, ia merupakan satu kejayaan apabila diterima baik pihak kerajaan.

"Perbincangan itu turut menyentuh masalah banjir yang diakibatkan oleh pembangunan di kawasan sekeliling dan itu penyusunan penjaja supaya lebih bersistematis.

"Selain itu, DBKL akan mengambil tindakan susulan dan mengenal pasti tapak penjaja yang baharu bagi penyusunan semula itu," katanya. **WK**



PASUKAN keselamatan dari IPD Putrajaya gembira selepas berpeluang menerima suntikan vaksin COVID-19.

## Polis IPD Putrajaya terima vaksin Pfizer BioNTech

BERKHIDMAT dalam salah satu pasukan kategori petugas barisan hadapan yang terdedah kepada bahaya virus COVID-19 membuatkan Inspektor Mohamad Khirul Anuwar Ahamad tidak mahu ketinggalan mendapatkan suntikan vaksin.

Malah, beliau antara 20 individu dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya yang mengambil suntikan pada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang diadakan di Klinik Kesihatan Presint 18, Putrajaya pada 1 Mac lalu.

Menurut Pegawai Penyiasat Trafik Bahagian Siasatan dan Pengukuasaan Trafik IPD Putrajaya itu, sebagai petugas barisan hadapan, pengambilan

vaksin adalah penting untuk pasukan keselamatan.

Ini kerana katanya yang turut ditugaskan sebagai pegawai di Lokasi Sekatan Jalan Raya KM5.9 Persiaran Utara, perkhidmatan seperti sentiasa terdedah kepada jangkitan virus.

"Dengan suntikan vaksin, saya dan rakan sekerja dapat mencegah diri daripada jangkitan virus berkenaan sekali gus mengurangkan risiko jangkitan kepada ahli keluarga," katanya kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau, pengambilan imunisasi itu adalah sangat baik serta selamat digunakan dan diharapkan masyarakat di luar sana menerima vaksin yang dibekalkan kerajaan. **WK**

# Kerajaan usaha atas isu kemiskinan COVID-19 - Muhyiddin

KERAJAAN sedang berusaha untuk mengatasi masalah kemiskinan rakyat susulan pandemik COVID-19, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, Kabinet telah membincangkan secara mendalam mengenai isu itu setelah menyedari masih ramai yang menanggung kesusahan walaupun kerajaan menyalurkan pelbagai bentuk bantuan.

Beliau berkata mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang dipengerusikannya, telah dimaklumkan bahawa jumlah rakyat yang jatuh miskin akibat pandemik COVID-19 meningkat.

Dalam Amanat Perdana Setahun Malaysia Prihatin sempena genap setahun beliau menerajui kerajaan Malaysia pada 1 Mac, Muhyiddin berkata, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kemiskinan yang dipengerusikannya akan meneliti masalah berkenaan secara lebih terperinci dan langkah yang boleh

dilaksanakan kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan sukarela serta sektor swasta untuk bersama-sama mengatasinya.

Beliau berkata, program pembasmian kemiskinan akan mengambil kira peningkatan Paras Garis Kemiskinan 2021 (PGK 2021) daripada RM980 kepada RM2,208 yang akan meningkatkan bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar dan seterusnya meningkatkan bilangan kumpulan sasar.

Mengenai Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), Muhyiddin berkata rancangan itu bertujuan untuk mencapai "Malaysia Makmur, Inklusif dan Mampan" dengan dasar dan strategi yang dirangka adalah komitmen kerajaan yang prihatin terhadap permasalahan rakyat dan meletakkan ekonomi Malaysia di landasan yang lebih kukuh dan ber-

daya saing.

Antara keutamaan kerajaan di bawah RMK-12 yang meliputi tempoh 2021 hingga 2025 itu adalah menangani kemiskinan khususnya penghapusan kemiskinan tegar dan mengurangkan ketidakamarataan sosioekonomi dengan melaksanakan program yang lebih menyeluruh dan bersasar, katanya.

Turut diberi penekanan, kata beliau, ialah Agenda Pemerksaan Bumiputera bagi mengurangkan jurang antara bumiputera dengan kaum lain, mempercepatkan pembangunan di Sabah dan Sarawak dan negeri-negeri lain yang kurang membangun dengan memantapkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas.

Keutamaan lain termasuk menyediakan ekosistem yang kondusif untuk membangun-

kan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), mempercepat penerimaan teknologi termaju dan pendigitalan.

Selain itu, menggalakkan pelaburan yang berkualiti dengan memberi tumpuan kepada aktiviti berteknologi tinggi dan mempercepatkan peralihan kepada ekonomi hijau untuk menyokong agenda pembangunan mampan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara rendah karbon, katanya.

Muhyiddin berkata pelan pembangunan sosioekonomi negara lima tahun berkenaan penting dan matlamatnya bukan sahaja merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi, malah turut memastikan makmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama.

"Sementara kerajaan pada masa ini memberi fokus kepada usaha-usaha untuk mengatasi masalah COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara, kita juga per-

lu merancang pembangunan dan kemajuan ekonomi negara untuk jangka masa panjang," katanya.

Kerajaan, katanya telah memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) sebagai kesinambungan kepada Wawasan 2020 dengan matlamat utama supaya rakyat dapat mengecapi taraf hidup wajar menjelang 2030.

Beliau berkata objektif utama WKB 2030, yang dilaksanakan melalui RMK-12 dan RMK-13 (2026-2030), adalah untuk memastikan pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan dan mencapai hasrat negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.

Majlis amanat itu berlangsung secara hibrid yang menggabungkan kehadiran secara fizikal di Putrajaya, antaranya menteri-menteri kabinet dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali, dan juga secara maya. - BERNAMA

Kerajaan memelihara, naik taraf taman awam sejak tahun lalu

## Hanya di rumah panjang Perumahan Awam Bukit Kiara

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

**K**ONTROVERSI pembangunan membatikan kawasan Taman Awam Bukit Kiara, Kuala Lumpur yang sering ditimbulkan Ahli Parlimen Segambut Hannah Yeoh menyukarkan 100 keluarga di rumah panjang Perumahan Awam Bukit Kiara menikmati kehidupan selesa selain terperangkap dalam 'rumah' daif di tengah kepesatan bandar.

Ahli Parlimen dipercayai tidak mengetahui persempadanan serta perbezaan lokasi dengan jelas sehingga mendorong penduduk setempat membantah pembangunan yang direncanakan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) khusus di kawasan Taman Awam Bukit Kiara.

Malahan, beliau secara tidak langsung mengaitkan pembangunan tersebut dengan Taman Rimba Kiara seperti cia-pan Twitter pada 25 Februari lalu, "@AnnuarMusa is clearly going against the residents of Kuala Lumpur, appealing a decision which favours the people. KL people must show him the exit door. Please tweet @AnnuarMusa to leave Taman Rimba Kiara alone."

Menjelas mengenai situasi yang ditimbulkan Hannah, YWP memaklumkan, pihaknya tidak sesekali menentang kehendak penduduk Kuala Lumpur yang mahu memelihara serta mengelakkan hutan simpan di Taman Rimba Kiara.

Malah katanya, sejak 1986, YWP sentiasa memperuntukkan sumbangan dan bantuan kebajikan demi membaiki kehidupan warga kota yang memerlukan seperti yang ditegaskan dalam syarat penubuhan yayasan.

"Merujuk laporan sebuah portal hari-



LOKASI rumah panjang yang ingin dibangunkan YWP demi keselesaan penghuninya.

an, YWP juga ingin menegaskan bahawa pembangunan yang dirancang tidak melibatkan Taman Rimba Kiara tetapi adalah lokasi berhampirannya.

"Rayuan yang dibuat kepada Mahkamah Persekutuan adalah merujuk kepada lot HSD 119599 PT 9244. Taman Awam Bukit Kiara yang sering disebut sebagai Taman Rimba Kiara adalah kawasan awam milik Pejabat Tanah dan Galian Kuala Lumpur dan diurus tadbir oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), adalah berkeluasan 13 ekar bukan 25 ekar (10.1 hektar) seperti dilaporkan portal tersebut," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, kata YWP, Taman Awam Bukit Kiara juga sudah digazetkan

sebagai sebahagian taman awam dalam Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2020 malah bermula 13 September tahun lalu, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa sudah melakukan pengindahan termasuk menaik taraf kemudahan di kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, YWP menyifatkan cia-pan Hannah Yeoh di Twitter sebagai satu tindakan yang bersifat memanipulasi fakta dengan tujuan mengucur kacirkan pemikiran orang awam.

Sebelum ini, kira-kira 100 keluarga rumah panjang Perumahan Awam Bukit Kiara menzahirkan kesedihan kerana penantian mereka untuk memiliki rumah yang selesa seperti dijanjikan 39 tahun lalu masih tidak tercapai. WK

## Bantu rakyat perlu jadi keutamaan nombor satu penjawat awam

TAN Sri Muhyiddin Yassin mahu penjawat awam memberi tumpuan kepada usaha membantu rakyat dan perkara itu harus menjadi keutamaan nombor satu dalam waktu yang sukar ini ketika negara berdepan pandemik COVID-19.

Justeru, Perdana Menteri berkata, proses penyampaian bantuan kepada rakyat perlu dipercepatkan menerusi komitmen serta kerjasama daripada perkhidmatan awam yang cekap, berintegriti dan prihatin.

"Permudahkan proses untuk mereka melabur, memula dan memulihkan perniagaan masing-masing," katanya.

Menyifatkan seperti aur dengan tebing, Muhyiddin berkata, kerajaan dan penjawat awam tidak mungkin dapat dipisahkan, dan hubungan erat itu membolehkan negara mencapai kejayaan demi kejayaan walaupun berdepan pelbagai rintangan.

Perdana menteri turut mengingatkan, pemimpin kerajaan sama ada ahli politik mahu pun penjawat awam, supaya melindungi rakyat dan melayan mereka dengan saksama serta secara adil.

"Begitu juga pihak GLC (syarikat berkaitan kerajaan) dan badan-badan berkanan laksanakan program tanggungjawab sosial korporat untuk membantu masyarakat yang susah. Kini masanya bagi kita memberi kembali kepada masyarakat.

"Saya terima banyak permohonan daripada peniaga-peniaga yang memohon dikecualikan bayaran sewaan premis GLC yang mereka duduki untuk berniaga. Pertimbangkanlah permohonan-permohonan ini sebaik-baiknya," kata Muhyiddin. - BERNAMA

# Perbaharui identiti korporat, PPZ-MAIWP sasar jadi contoh

SYAHIDI BAKAR

**S**EIRING penjenamaan semula identiti korporat ke arah pemodenan institusinya, Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), mensasarkan matlamat bergelar institusi zakat terkedepan.

Pengerusinya, **Datuk Seri Syed Ali Al-Habshee** berkata, pembaharuan yang dilaksanakan selaras semangat serta ilitzam menjadikan PPZ-MAIWP model contoh di dunia dengan jenamanya yang telah berkembang kukuh selama lebih tiga dekad.

Beliau berkata, sebagai institusi diyakini dan berjaya mencatat peningkatan kutipan zakat dari setahun ke setahun, PPZ-MAIWP juga merupakan institusi zakat pertama dalam negara beroperasi menggunakan sistem berkomputer yang terbukti lebih sistematik.

"PPZ-MAIWP satu jenama diyakini telah terbukti kredibilitinya. Semoga usaha menjenama semula identiti korporat dapat memacu prestasi institusi zakat selari dengan agensi kewangan lain."

"Diharap identiti jenama baharu ini diterima baik masyarakat dengan kredibiliti, kebolehpercayaan PPZ-MAIWP teruji hingga wujud kebergantungan pelanggan untuk kami menguruskan zakat anda," katanya pada Pelancaran Identiti Korporat Baharu PPZ-MAIWP di Wisma PPZ, Taman Shamelin.

Hadir sama ke majlis Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Ahmad Shukri Yusoff dan barisan pengurusan kanan. Kali terakhir penjenamaan PPZ-MAIWP dilakukan pada tahun 2008 ketika berpindah ibu pejabat dari Bangunan Daruzzakah ke Shamelin Perkasa.

Dalam pada itu hasil efisiensi operasi dan tahap keberkesanan perkhidmatan ditawar, keyakinan pembayar untuk ber-



**SYED Ali Al-Habshee (empat dari kanan) diiringi oleh Ahmad Syukri (tiga dari kiri) melakukan gimik pelancaran logo pada majlis Pelancaran Identiti Korporat Baharu PPZ-MAIWP di Wisma PPZ, Taman Shamelin.**

zakat di PPZ-MAIWP terus meningkat dan mendorong pencapaian prestasi kutipan bagi tahun kewangan 2020, RM768 juta.

Sehubungan itu, jelas Syed Ali bagi tahun ini pula PPZ-MAIWP menyasarkan nilai kutipan zakatnya melebihi RM800 juta bersandarkan prestasi yang memberangsangkan dicatatkan tahun lalu selain beberapa penambahbaikan perkhidmatan disedia untuk para pelanggannya.

"Prestasi kutipan pada tahun lalu menunjukkan peningkatan kira-kira 12 peratus berbanding nilai RM682 juta pada 2019."

"Jadi dengan momentum positif dipacu sambil didorong peningkatan kualiti perkhidmatan, kami komited mengutip lebih RM800 juta tahun ini dan peningkatan bilangan pembayar kira-kira 500,000 orang tahun ini, berbanding 300,000 tahun lalu"

"Saya yakin di Wilayah Persekutuan, ada kira-kira 800,000 individu dan pihak

yang boleh membayar zakat, cuma masalah atau kekangannya ialah kita tidak dekati mereka, jadi kena giat turun padang memberi penerangan kepada mereka," katanya

Sementara itu, mengulas lanjut penjenamaan semula identiti korporat, Syed Ali berkata, perkara itu adalah usaha berterusan memantapkan lagi PPZ-MAIWP sebagai institusi terbaik di dunia.

Katanya, wajah baharu dilengkapi susunatur dan rekaan dalaman bagi menggalakkan keyakinan dan keselesaan pelanggan berurusan di PPZ-MAIWP, dengan pelaksanaan dibuat secara berperingkat meliputi semua cawangan kaunter PPZ-MAIWP dan juga van bergerak sepanjang tahun ini.

"Dengan moto "Memudahkan Anda Berzakat" di PPZ-MAIWP berazam menyediakan kemudahan pelbagai untuk pelanggan kami selain sasar nilai kutipan meningkat sesuai pertambahan asnaf di Wilayah Persekutuan," jelasnya. **WK**

## RM164 bilion pelaburan diluluskan pada tahun 2020

**MESKIPUN** berdepan dengan pelbagai cabaran berikut pandemik COVID-19, Malaysia mencatatkan RM164 bilion jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2020.

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) komited untuk memastikan Malaysia terus diposisikan sebagai lokasi yang mesra pelabur untuk pertumbuhan jangka panjang bagi perniagaan asing dan domestik.

"Malaysia merekodkan RM164 bilion pelaburan di-

luluskan melalui 4,599 projek dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama pada 2020.

"Pelaburan ini diharapkan dapat mewujudkan 114,673 pekerjaan baharu dalam pelbagai sektor ekonomi selepas dilaksanakan," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, 5,287 projek dengan pelaburan berjumlah RM211.4 bilion diluluskan pada 2019.

Penurunan ini disebabkan oleh sektor perkhidmatan dan utama yang secara langsung dipengaruhi oleh penurunan permintaan global akibat pandemik dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tahun lalu, pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang 60.9 peratus (RM99.8 bilion) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan manakala pelaburan langsung asing (FDI) merangkumi baki RM64.2 bilion (39.1 peratus). **WK**

Sektor perkilangan menerajui jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020 dengan pelaburan RM91.3 bilion, diikuti oleh sektor perkhidmatan (RM66.7 bilion) dan sektor utama dengan RM6.0 bilion.

Selangor mencatatkan pelaburan tertinggi dengan RM38.7 bilion diluluskan tahun lalu, diikuti oleh Sabah (RM21.0 bilion), Sarawak (RM19.6 bilion), Kuala Lumpur (RM17.1 bilion) dan Pulau Pinang (RM16.0 bilion). **WK**

### SIDANG REDAKSI

**PENGURUS BESAR**  
Azlan Abdul Aziz

**PENGARANG KANAN**  
Helme Hanafi

**PENOLONG PENGARANG**  
Nazwin Izzan Ahmad Nazri

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi

### WARTAWAN

Khairul Idin  
Wong Siew Mun  
Deel Anjer  
Syahidi Bakar

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
Mohd Affandy Annuar  
Mohd Fadly Bharudin  
Taufik Mohd Pauze

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
Mohd Aminullah Farid Hasan  
Azly Fariq Ramly

### PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan  
V Kumar Veeran

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
Jumaitul Lailiy Zakiah Ismail  
Nurul Hazwani Haslan

### PELATIH INDUSTRI

Afifah Afizal

### RINGKASAN BERITA

#### PROTON X50 catat rekod baru

SUNGGUHPUN dalam era kemelesetan masalah ekonomi, politik dan kesihatan awam, syarikat automotif negara, PROTON mencatatkan jualan 11,873 unit kenderaan bulan lalu.

Model Proton X50 yang dilancarkan pada 27 Oktober lalu mendapat sambutan amat memberangsangkan apabila lebih 30,000 tempahan diterima sebelum akhir tahun, namun masa menunggu penghantaran meningkat akibat kelewatan yang dialami di barisan pengeluaran dan fokus syarikat kepada kualiti.

Selepas 3,345 unit dihantar pada Februari, sebanyak 8,141 unit kini berada di tangan pembeli dan kadar bekalan semakin mendekati jumlah permintaan.

Pencapaian ini adalah jumlah terbesar bagi kenderaan utiliti sukan (SUV) dalam sejarah Malaysia, sekali gus membolehkan Proton X50 diberi gelaran SUV paling laris bagi segmennya dan secara keseluruhan.

Ditambah jualan sebanyak 1,475 unit Proton X70, syarikat berjaya menjual sebanyak 4,820 unit SUV pada bulan Februari, keputusan yang terbaik pernah tercapai dalam sejarah pasaran automotif negara.

#### PM ke Arab Saudi bincang kuota umrah, haji

KUOTA ibadat umrah dan haji di Tanah Suci bagi jemaah Malaysia akan hanya diketahui selepas kunjungan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Arab Saudi, tidak lama lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata asas kepada garis panduan SOP itu sudah wujud tetapi perlu dikemas kini berdasarkan realiti sebenar COVID-19 kini.

"SOP sudah ada tetapi kita perlu pastikan ia SOP antara dua buah negara dan dibuat selaras dengan suasana di Arab Saudi kini justeru sebarang kemas kini hanya akan diputuskan selepas ziarah Perdana Menteri, tidak lama lagi."

"Kerajaan Arab Saudi sendiri biasanya akan membuat pengumuman (mengenai kuota jemaah dan SOP) tetapi kali ini berlaku sedikit kelewatan disebabkan isu COVID-19."

"Diharapkan semua pihak dapat bersabar dahulu buat sementara ini," katanya dipetik akbar Berita Harian.

#### Bayaran permohonan i-Sinar sedia ada bermula Selasa

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan bahawa permohonan i-Sinar yang dibuat sebelum 25 Februari akan diberi kelulusan secara berperingkat dan bayaran akan dibuat bermula hari ini.

Ia melibatkan permohonan yang masih menunggu keputusan kelulusan dan yang berstatus tidak lulus, sebelum penambahbaikan i-Sinar tanpa kriteria dibuat.

"KWSP menghargai kesabaran ahli ketika proses ini sedang berjalan."

"Jika ahli mendapat status permohonan masih tiada sebarang perubahan, semakan boleh dibuat pada hari-hari berikutnya," katanya.

Permohonan baharu yang mencerminkan pemansuhan kriteria akan dibuka bermula 8 Mac 2021 kepada semua ahli di bawah umur 55 tahun, tertakluk kepada baki di dalam Akaun 1 ahli.



# WE LOVE SHOPPING

RM1,000 VOUCHER

F&B VOUCHER



1 – 21 Mac 2021

## Cabutan Bertuah

3x Baucar Bernilai RM1,000 Untuk Dimenangi Setiap Minggu

Belanja RM100 dan ke atas tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai F&B atau fesyen terpilih untuk peluang menerima Baucar Membeli-Belah Alamanda bernilai RM1,000.\*



\* Tertakluk kepada terma dan syarat. Sementara stok masih ada.  
Imej yang ditunjukkan hanya untuk tujuan ilustrasi.

Untuk informasi lanjut, kunjungi Kaunter Concierge kami atau hubungi +603-8888 8882

## Roda Ganjaran

Terima sekeping baucar F&B apabila anda berbelanja.\*

## Istimewa untuk Kakitangan Kerajaan

Terima kemasukan tambahan di dalam Cabutan Bertuah.\*



Sertai kami di [Facebook](#) [Instagram](#) [AlamandaShoppingCentre](#) [www.alamanda.com.my](#)

HARLINA SAMSON

**T**EMPOH setahun ini semestinya masa paling mencabar dalam kerjaya politik Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana mengambil alih pucuk kepimpinan ketika negara menghadapi pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada setiap aspek kehidupan dan memastikan tiada siapa terpinggir.

Muhyiddin, yang memimpin kerajaan Perikatan Nasional (PN), telah menyediakan pakej bantuan dan pakej rangsangan ekonomi berjumlah hingga RM300 bilion untuk memastikan kelangsungan hidup rakyat semasa berdepan dengan situasi yang luar biasa ini termasuk memperoleh vaksin COVID-19.



MUHYIDDIN

Elok genap setahun Muhyiddin, 73, mengemudi kerajaan PN mentadbir Malaysia menghadapi segala cabaran serta kemungkinan susulan pandemik COVID-19 dan terus berusaha gigih memastikan segala yang direncana berjaya dilaksanakan.

"Insya-Allah pada 1 Mac ini genaplah setahun pentadbiran Perikatan Nasional yang saya pimpin sebagai Perdana Menteri. Sesuatu perkara yang saya tidak duga, tetapi ini semua takdir oleh Allah SWT," kata beliau dalam wawancara khas bersama Bernama dan beberapa organisasi media sempena setahun beliau memegang jawatan nombor satu negara di kediamannya di Bukit Damansara.

Wawancara khas itu turut disiarkan menerusi siaran televisyen berita perdana di Bernama TV dan stesen televisyen.

Mengambil alih kepimpinan negara tatkala dunia dan negara berhadapan keadaan sukar berikutan wabak yang boleh membawa maut, Muhyiddin memegang jawatan Perdana Menteri dalam situasi luar biasa berikutan krisis politik, tekad menuaikan amanah dan menggalas tanggungjawab demi rakyat dan negara.

"Jadi, saya buat yang terbaik untuk negara. Pasal saya tahu, saya ada amanah, yang mestilah tunaikan. Walaupun saya tidak dipilih dalam pilihan raya macam biasa, orang dapat mandat tapi (ekoran) krisis yang berlaku, saya dilantik (sebagai Perdana Menteri)," katanya.

Dalam wawancara selama hampir sejam itu, Muhyiddin yang juga Presiden Bersatu ditanya pelbagai soalan berhubung kerajaan dan tadbir urus negara, pengurusan COVID-19, pakej rangsangan ekonomi dan inisiatif dilaksanakan kerajaan bagi membantu rakyat, penerimaan rakyat dan pencapaian kerajaan PN, Proklamasi Darurat, dasar

# Muhyiddin cekal tadbir negara hadapi COVID-19

luar Malaysia serta harapan beliau.

Turut diajukan adalah mengenai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang menunjukkan kesungguhan kerajaan PN dalam usahanya menjamin kesejahteraan rakyat.

Muhyiddin menjadi orang pertama menerima suntikan vaksin itu bersama-sama petugas barisan hadapan termasuk Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham.

Berikut adalah antara sedutan soalan dan jawapan wawancara bersama Perdana Menteri.

**Kini sudah setahun masalah COVID-19 melanda negara. Apakah harapan Tan Sri dan kerajaan untuk pandemik COVID-19 ini dapat kita ditangani dengan ketibaan vaksin?**

Dalam tempoh setahun walaupun kita tidak bermula dengan pengalaman kerana tidak ada sejarah keadaan sebegini tetapi setahun mengajar kita kerajaan dan rakyat tentang apa yang harus kita lakukan untuk menangani masalah COVID-19 ini.

Alhamdulillah, walaupun kita dikenakan SOP (prosedur operasi standard), kita masih lagi gunakan SOP, kita kenakan kawalan-kawalan seperti PKP, PKPB, PKPD dan PKPP. Alhamdulillah dengan langkah-langkah sebegini kita dapat mengawal, kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain.

Alhamdulillah, sekarang ini selepas tempoh hampir setahun dalam keadaan yang agak berubah-ubah, ada dua perkara penting yang saya nak tegaskan dalam pengurusan COVID-19 ini.

Pertamanya, kita sudah mengumpul banyak data, maknanya angka-angka yang kita pungut ini, kes di mana, ada kluster dalam masyarakat kita dah tahu setiap hari dilaporkan kerana kita mengamalkan sikap yang agak terbuka, *transparent*, telus, tiada kita lindungi atau kita sorok data-data. Kita nak beritahu rakyat apa kedudukan sebenarnya.

Keduanya, pertimbangan kita berdasarkan sains maknanya kenapa kena buat begitu, mungkin umum ada yang faham tetapi yang ada yang tidak faham kenapa buat begitu, kenapa pakai ini? Keputusan yang kita ambil sekarang ini selepas hampir setahun



**MUHYIDDIN Yassin dalam wawancara khas sempena setahun beliau menjadi perdana menteri di kediamannya di Bukit Damansara baru-baru ini.**

boleh dibanggakan Tan Sri dalam memimpin pentadbiran kerajaan dalam tempoh setahun ini?

Saya tidak boleh menyatakan saya mencapai skala lima, nanti rakyat kata alah... yang penting, rakyat yang buat penilaian sama ada kerajaan ini sejak awal mentadbir negara sudah mengambil langkah-langkah yang perlu dan sesuai untuk menentukan supaya perkara utama telah diberikan perhatian, tidak diabaikan.

Keduanya ada kesan, hasil yang dikatakan agak positif untuk rakyat. Contoh, soal COVID sekarang ini dah ada vaksin, saya orang pertama yang dah terima vaksin.

Bukan soal masalah sahaja nak mengurus, apa penyelesaiannya mungkin vaksin ini akan menjadi jawapan kepada masalah kita?

Harapan saya begini, itu bagi saya kejayaan besar, kita dah laksanakan, jangan tanya belanja, belanja untuk vaksin berbilion saya tidak pernah nak persoalkan.

Kalau nak minta satu bilion lagi, saya bagi kerana ini nyawa rakyat, kerana rakyat kalau mati seorang bagi saya itu kerugian besar, saya nakkan rakyat hidup.

Di Malaysia, setiap nyawa adalah penting.

Jadi sebab itu di mana kedudukan kita, bagi saya agak baik, kalau ada yang kata terbaik tak apalah, kalau ada kata abah terbaik, tidak apalah, itu rakyat yang buat penilaian tetapi yang penting apa kerajaan buat.

Bagi saya tidak ada sesuatu

yang kita kata tertinggal, tidak ada yang terpinggir. Itu penting supaya rakyat rasa walaupun dia seorang individu, meniaga di warung, kita ambil perhatian.

Tidak payah sebut pakej rangsangan yang sudah keluar hampir RM300 bilion, masa pentadbiran dahulu RM20 bilion. Saya tidak nak sebut siapalah, pentadbiran sekarang RM300 bilion tetapi rakyat kata tak cukup lagi.

Bagi saya dalam tempoh setahun ini pencapaian kita agak memuaskan, pentadbiran berjalan dengan baik, kita tak lepas pandang apa-apa perkara utama termasuk soal pendidikan, sosial, kesihatan, ekonomi, keselamatan, perpaduan ini perkara penting dalam negara kita tak kita lepas pandang cuma penekanan bidang mana yang nak ber perhatian utama, ini yang kita sedang buat, itu yang kita sedang lakukan sekarang.

**Setahun berlalu, apa pandangan Tan Sri terhadap penerimaan rakyat kepada semua inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan ekoran pandemik COVID-19?**

Kita buat survey hampir selalu kita menganalisis juga, analitik yang dibuat oleh pegawai-pegawai saya tentang apa reaksi rakyat pada setiap perkara yang berlaku.

Saya fikir umumnya mereka berpuas hati umpanya dalam soal pengurusan COVID, itu satu perkara tetapi bila COVID melonjak sedikit dia rasa tidak suka.

COVID turun je dia suka ➤

← tetapi saya fikir kalau ambil tempoh sehingga tahun ini saya rasa rakyat akan rasa lebih selesa dan lebih selamat. Itu penting pada saya.

Keduanya, kehidupan mereka. Adakah mereka ada makanan. Bagi saya itu penting. Jangan ada rakyat Malaysia kebulur tidak makan, itu saya rasa kalau berlaku, saya gagal.

Sebab itu kita ada macam-macam bantuan secara langsung macam yang terkini bantuan dalam PERMAI, bantuan makanan, bantuan wang tunai, bantuan nak meniaga, modal.

Sekarang, kita dah buka hampir semua ekonomi kita, kecuali satu dua sahaja.

Jadi bagi saya, rakyat sewajarnya bersyukur bukan kerana kerajaan bertindak sebegini tetapi ini adalah usaha kita bersama-sama, saya rasa kalau saya seorang yang buat tidak boleh berjaya, pegawai kerajaan sahaja buat, tidak boleh berjaya tetapi dengan gandingan kerjasama kerajaan, rakyat, pegawai dan semua pihak kita boleh berjaya kerana ini ialah apa yang dipanggil pendekatan masyarakat keseluruhan, bukan sekadar kerajaan keseluruhan ('whole of society approach, it's not just whole of government'), maknanya semua pihak mestи berganding bahu menangani masalah yang kita hadapi dan saya berpendapat daripada survey yang dah kita buat berkali-kali, rakyat berpuas hati dengan langkah yang kerajaan sedang ambil.

**Tan Sri mengatakan mengenai tidak ada sesiapa yang terpinggir. Dalam tempoh setahun, macam-macam kerajaan dah buat, macam-macam bantuan tetapi dalam tempoh setahun akan datang ada lagi yang tertinggal, ada lagi yang rasa terpinggir?**

Itu betul, terkini saya mempengaruhi Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi, saya suruh bentang tentang apa hala tuju ke hadapan bantuan-bantuan kepada rakyat. Bila dibentangkan bahawa dalam masalah negara sekarang ini antara lain disebabkan COVID, kesan kepada rakyat amat besar.

Dulu kita panggil B40, yang orang ke bawah 40 peratus, saya jangka B40 sudah jadi B50. Mungkin M40 kekal M40 kerana T20 itu 10 peratus sudah turun jadi golongan berpendapatan pertengahan (middle income).

Ini satu masalah, krisis yang saya kena akui bukan kerana perbuatan saya tetapi kerana

masalah yang negara hadapi.

Itu harus jadi fokus dalam tempoh mendatang ini terutama dari sekarang ini semasa kita membantu yang lain untuk pulih, ekonomi pulih, bantulah kami untuk menyelesaikan masalah COVID ini iaitu dengan melihat kepada beberapa kategori tertentu (*while we helping the rest to recover, economic to recover, help us solve this COVID problem is to look at certain category*) kumpulan masyarakat yang paling terjejas.

Bentuk bantuan dah bagi banyak berbilion masih terus diberi, sekarang sudah mula dibayar lebih awal tetapi dilihat tidak cukup membantu jadi strategi yang saya ambil sekarang ialah bagaimana nak menangani masalah kemiskinan.

Ada dua kategori - kemiskinan bandar, kemiskinan luar bandar. Pada zaman dulu, kemiskinan luar bandar lebih ketara kerana orang di bandar dapat duit lebih. Sekarang ini kemiskinan di bandar lebih berat kesannya daripada kemiskinan di luar bandar kerana dia tidak dapat menampung sara hidup.

Hampir 52 peratus kemiskinan berlaku di bandar kerana sebahagian daripada mereka itu terlepas pandang kerana sistem data kita tidak kemas, orang miskin tidak masuk dalam rekod.

Kadang orang itu dah dapat bantuan sekali, dapat dua, tiga ada orang tidak dapat. Ini saya dapat dalam sistem yang perlu perkemaskin.

Secara umum, yang lain bagaimana untuk pulihkan ekonomi semasa COVID sedang diuruskan. Macam sekarang, saya lihat sektor pelancongan hampir tidak boleh bergerak kerana sekatan rentas negeri.

Ada sekali kita buka dahulu rentas negeri sekali atas lebuh raya penuh orang pergi Langkawi, ke mana-mana saya pun dah seronok.

Sekali lepas itu mencacak balik, kita tutup, sekarang masih tutup. Rentas daerah boleh, rentas negeri tidak boleh.

Menteri Nancy jumpa saya tolol buka, memang saya prihatin kata nak buka tetapi KKM kata nanti dahulu, jadi kita nak tengok macam mana.

Ini sektor yang paling teruk kalau ikut unjuruan mungkin ia akan mengambil masa dua ke empat tahun baru dapat pulih.

Saudara tanya tadi apakah harapan, ini sebahagian, lain daripada itu kita nak menarik pelaburan dan kajian yang kita buat apa yang rakyat bimbang



**PERDANA Menteri melawat doktor dan jururawat untuk mengucapkan terima kasih daripada kerajaan kepada mereka yang berjuang di barisan hadapan melawan pandemik COVID-19.**

**“Dulu kita panggil B40, yang orang ke bawah 40 peratus, saya jangka B40 sudah jadi B50. Mungkin M40 kekal M40 kerana T20 itu 10 peratus sudah turun jadi golongan berpendapatan pertengahan (middle income).”**

ialah sama ada dia bangun pagi, dia ada kerja lagi atau tidak.

Kerana esok kalau dia datang ke pejabat majikan kata (saya minta maaf, anda terpaksa diberhentikan (*I'm so sorry you have to go*), kenapa? (*why*) Kita tahu rugi.

Saya kena ambil kira ini bukan sahaja isu makro, soal negara pertumbuhan pembangunan, KDNK kita menguncup kita harap ini akan meningkat naik jadi macam mana cara nak buat itu, mesti ada pelaburan masuk, industri mesti bergerak balik, eksport mesti meningkat.

Itu soal ekonomi kemudian sektor-sektor lain pembuatan, perkilangan, pembangunan, pembinaan, pertanian, semua sektor ini mesti berkembang tetapi semua terjejas.

Jadi, kita perlu meneliti perkara ini, cara kita menguruskannya. Jadi ia lebih daripada sekadar makro, ia adalah pengurusan mikro (*So, we have to slowly look into this, how do we manage this thing. So, it's more than just macro, its micro managing*) setiap sektor ekonomi. Ini yang kita sedang mula buat sekarang.

**Kerajaan sekarang lebih banyak (mengambil pendekatan berpaksikan rakyat) people base, fokus kepada rakyat, mungkin apa yang Tan Sri**

selesaikan dan bantu dalam tempoh masa yang segera kerana rakyat tidak boleh menunggu (*because people can't wait*) sehingga menunggu itu menyiksaan, jadi mereka tidak boleh tunggu lama kerana kalau tidak ada, esok dia jatuh miskin, susah meniaga terpaksa tutup nak buka balik bukan senang, semua ini saya faham.

Kita akan fokus itu walaupun kita dah ada Dasar Kemakmuran Bersama supaya ada keseimbangan antara pengagihan kekayaan antara rakyat.

Jadi saya bertindak sejauh itu (*go to that extend*) nak menentukan supaya kita boleh bangkit cepat dan mengikut unjurannya.

Seharusnya penggal kedua atau masuk ke suku ketiga dan keempat ada peningkatan dari segi pertumbuhan KDNK negara. Insya-Allah.

**Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir setahun, adakah Tan Sri merindui suasana bersemuka dengan rakyat?**

Ya, saya nak balik ke kawasan saya hari tu di Pagoh, Muar pegawai saya kata boleh balik tetapi Tan Sri nak pergi mana? PKP Tan Sri. Ye tak ye juga. Jadi tak kan saya nak jumpa rakyat pakai maya sahaja.

Rakyat kita maya pun pandai tetapi kesan agak tidak sebegitu kerana kita perlu berjumpa dengan mereka (*we have to see them*). Sebab itu kita berperhatian kepada nak cari jalan cepat supaya COVID ini dapat kait.

Selepas ini mungkin seluruh negara sudah ada PKPP dan selepas itu mungkin tidak ada lagi PKP tetapi kita kena amalkan SOP ini sehingga diberitahu pakar-pakar epidemiologi dan KKM mengatakan negara kini bebas COVID, kita boleh melakukan perkara yang biasa kita lakukan, nak bersalam boleh, nak berpeluk-peluk boleh sebagai contoh atau macam biasa, itu yang kita harap-harapkan.

Sebab itu pelan yang kita sedang ambil sekarang ini amat penting sekali. Yang ini saya tidak hendak lihat ia berlaku selama-lamanya, jadi apabila keadaan bertambah baik, bukan saya sahaja, rakyat biasa pun nak balik kehidupan biasa, boleh makan, menjalankan perniagaan, bersukan, beriadah.

Apa yang kita lakukan sebelum ini, tetapi ini tidak boleh sehingga kita dapat mengatasi masalah besar negara kita. - BERNAMA

[t.me/wilayahku](https://t.me/wilayahku)



IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Alat sanitasi, pelitup muka turut diserahkan kepada penerima

# B40 hargai bantuan persekolahan YWP

**S**ESUAI dengan suasana norma barbaru, bantuan persekolahan melalui Program Riang Ria Ke Sekolah (RRKS) anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memberikan sedikit kelainan apabila sumbangan losyen sanitasi tangan serta pelitup muka diserahkan bersama bucar buku sekolah dan beg.

Suri rumah, Fauziah Mohd Noor, 56, yang menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Sarawak menyatakan, sumbangan yang diterima sempena program RRKS itu dapat meringankan beban yang perlu ditanggungnya berikutan suaminya merupakan seorang pemandu van sekolah turut terjejas sepanjang tahun lalu.

"Saya bersyukur kerana tersenarai sebagai penerima bantuan persekolahan pada tahun ini kerana hampir kehilangan sumber pendapatan apabila suami tidak bekerja disebabkan sekolah terpaska ditutup ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu.

"Walaupun tahun ini YWP hanya memberikan beg sekolah dan bucar buku sekolah, ia memberikan kelegaan dalam suasana hari



**YAYASAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

ini," katanya kepada Wilayahku pada Sabtu selepas program sumbangan RRKS di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Sarawak.

Penyerahan sumbangan tersebut dilakukan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Pengarah Eksekutif DBKL, Anwar Mohd Zain dan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Fauziah berkata, sebagai ibu, dia akan berusaha untuk menyediakan kelengkapan persekolahan kepada anaknya yang memasuki tingkatan empat pada sesi persekolahan tahun ini.

"Meskipun berhadapan dengan cabaran sepanjang tahun lalu, saya mahu dia bersekolah seperti pelajar-pelajar yang lain memandangkan tahun hadapan akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

Bagi Andi Hartina Andi Anwar,



ANNUAR (kiri) menyampaikan beg sekolah kepada penerima yang layak sempena Program Riang Ria Ke Sekolah di PPR Seri Sarawak.

42, yang mempunyai tiga anak yang masih bersekolah pula, dia melahirkan kesyukuran kerana layak menerima bantuan persekolahan pada tahun ini memandangkan menghadapi masalah kewangan ekoran PKP.

"Suami hanya bekerja sebagai

pembersih di sebuah hotel di Bukit Bintang dan kesan PKP terus dirasai kerana tiada pelanggan yang menginap di hotel, seterusnya pendapatan turut berkurangan.

"Saya bernasib baik kerana mendapat bantuan ini dan ia meringankan beban untuk pembu-

kaan sesi persekolahan dan perlu menanggung tiga anak yang akan memasuki semula sekolah serentak pada tahun ini," katanya yang juga penerima bantuan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Dalam pada itu, Annuar berkata, melalui program RRKS, YWP memperuntukkan RM3 juta bagi program tersebut khusus untuk pelajar dari keluarga B40.

"Buat pertama kali, tahun ini YWP memberikan baucer RM50 dan boleh ditebus di kedai-kedai buku sekolah sekitar Wilayah Persekutuan bermula 20 Januari hingga 31 Mac 2021.

Annuar berkata, penerima yang terpilih adalah dari pelajar tahun satu hingga tingkatan lima tahun 2021 yang melibatkan seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Sumber nama-nama pelajar yang layak ini diperoleh dari pihak sekolah dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP). Kriteria utama pemilihan ialah mereka yang datang dari keluarga B40 dan seramai 31,838 pelajar dari 336 buah sekolah dari seluruh Wilayah Persekutuan," katanya. WK

## Rohingya kembali niaga di PBKL, tidak endah penguatkuasaan

NAZWIN NAZRI

**PERTIWI**

USAHA membanteras penjaja warga asing khususnya Rohingya bagi tidak berhasil, apabila baru-baru ini mereka dilihat kembali berniaga di Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) walaupun operasi penguatkuasaan termasuk menyita barang dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerap dan tegas.

Menurut aduan yang diterima menerusi talian PERTIWI, kumpulan terbabit kembali memenuhi kawasan sekitar PBKL dengan membuka gerai-gerai kecil yang menjual sayur-sayuran dan bahan mentah.

Pengadu yang juga peniaga turut memaklumkan, warga asing tersebut sering menimbulkan pergaduhan

dengan rakyat tempatan se-lain turut menghamburkan kata-kata hinaan dan lucuah.

"Saya bermiaga di sini (PBKL) dan melihat setiap kejadian yang berlaku. Mereka (Rohingya) boleh gaduh dan maki warga Malaysia, malah saya juga pernah dimaki."

"Kejadian-kejadian tersebut direkodkan dalam bentuk video," adunya sambil berharap terdapat tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap warga asing.

Menurutnya, kerajaan juga sudah menetapkan warga asing tidak dibenarkan berniaga, namun golongan terbabit masih berani menjalankan perniagaan disebabkan mendapat



ROHINGYA kembali bermiaga di Pasar Borong Kuala Lumpur. - Gambar hiasan

'sokongan' rakyat tempatan yang sewenang-wenangnya memberi bekalan bahan mentah termasuk alatan niaga seperti tapak sewaan dan payung.

Katanya, lebih kesal apa-

bila, pemilik premis itu turut melindungi warga asing ketika penguatkuasaan DBKL tiba untuk pemeriksaan malah sanggup berpura-pura berniaga di tapak tersebut.

"Warga tempatan bagi

sewa tempat pada mereka (Rohingya). Apabila DBKL sampai, mereka semua ketepi dan membiarkan pemilik premis mengambil alih tapak untuk sementara," kesalnya.

Dalam pada itu, dia turut

<b>Info ADUAN</b> <b>PERTIWI</b> WhatsApp : 013-680 6666 SMS : 013-688 7777	<b>DBKL</b> Tel : 03-2617 9000	<b>Perbadanan Putrajaya</b> Tel : 03-8000 8000 Aduan : 03-8887 3000	<b>Perbadanan Labuan</b> Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852	<b>Wilayahku</b> WhatsApp : 011-5958 7489
--	-----------------------------------	---	--	--

memohon tindakan lebih tegas terhadap rakyat tempatan yang membenarkan premis mereka disewa warga asing berikut terdapat ramai rakyat tempatan yang merempat di bumi sendiri. WK



Dapatkan e-Paper percuma **Wilayah Ku**  
Whatsapp ke nombor 011-5958 7489



## KL United juara Derby Lembah Klang

**NAZIRUL ROSELAN**

**P**IALA Prihatin, Menteri Wilayah Persekutuan diadakan sempena Hari Wilayah Persekutuan yang berakhir baru-baru ini.

Perlawanan antara Pasukan Kuala Lumpur United melawan pasukan Selangor ibarat mencari juara Lembah Klang. Perlawanan yang diadakan di Stadium

Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras itu dimenangi oleh Kuala Lumpur United selepas menewaskan Selangor dengan separaan penalti 4-2 selepas kedua-dua pasukan terikat tanpa jaringan sepanjang 90 minit permainan.

Walaupun perlawanan diadakan tanpa kehadiran penonton akibat pandemik yang berlaku, namun kemeriah perlawanan tidak pernah luntur. **WK**

MENTERI Wilayah Persekutuan, TAN Sri TPr Annuar Musa mengucapkan tahniah dan bermesra dengan pemain.



**PENYAMPAIAN** Piala Prihatin Menteri Wilayah Persekutuan kepada pemenang.



**LENSA** Tan Sri TPr Annuar Musa di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur.



**PASUKAN** Kuala Lumpur United bergambar kenangan bersama Tan Sri TPr Annuar Musa.

# Lima resepi lazat dan mudah menggunakan roti

**K**ETIKA fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, mungkin sukar mencari bahan untuk membuat pencuci mulut dan sebagainya di pasar raya.

Dengan hanya menggunakan bahan utama iaitu roti, anda masih boleh membuat beraneka jenis makanan di rumah.

Berikut adalah lima resepi dengan menggunakan roti yang mudah dan semestinya lazat.

## Puding Roti Kukus dan Sos Kastard

### BAHAN-BAHAN

#### Bahan Puding Roti

10 keping roti (dipotong empat segi)  
1 tin susu cair  
3 biji telur  
1 sudu kecil esen vanila  
5 sudu besar gula  
Buah campur kering (rendam bersama air panas)

#### Bahan Sos Kastard

1 tin susu cair  
1/2 cawan air  
2 sudu besar tepung kastard  
4 1/2 sudu besar gula

### CARA MEMASAK

- 1) Kisarkan semua bahan kecuali roti untuk bahan puding roti.
- 2) Sapu mentega pada loyang dan pada setiap kepingan roti.
- 3) Susunkan roti di dalam loyang dan curahkan bahan kisar tadi. Tekan roti supaya bahan kisar meresap.
- 4) Taburkan buah kering dan kukus selama 20 minit.
- 5) Untuk sos kastard, campur tepung kastard bersama air dan kacau rata.
- 6) Campurkan semua bahan sos dan masak atas api perlahan.
- 7) Kacau sehingga mendapat tekstur sos yang pekat.

## Bengkang Roti

### BAHAN-BAHAN

Sebungkus roti  
Biskut 4 segi  
1 biji telur ayam (dipukul)  
Susu tepung atau 1/2 kotak kecil  
susu krim penuh  
Sedikit santan  
Garam dan gula secukup rasa

### CARA MEMASAK

- 1) Rendam roti dan biskut. Setelah kembang, toskan dan simpan air rendaman roti.
- 2) Mula lenyek roti tadi.
- 3) Boleh masukkan telur ayam tadi.
- 4) Masukkan susu dan santan. Kalau tekstur agak kering, boleh masukkan air rendaman roti tadi. Pastikan air tidak terlalu banyak.
- 5) Masukkan garam dan gula secukup rasa.
- 6) Sapukan majorin/mentega pada loyang. Pastikan tidak terlalu banyak bagi mengelakkan berminyak.
- 7) Bakar 180°C selama 30-40 minit.
- 8) Cucuk dengan lidi untuk mengetahui jika bengkang sudah masak. Tekstur bengkang tidak akan melekat pada lidi jika ia sudah masak.



## Roti Inti Coklat dan Peanut

### BAHAN-BAHAN


Roti  
Minyak  
Inti – Bar coklat / peanut butter  
Minyak untuk menggoreng

### CARA MEMASAK

- Cara-cara:  
1) Letakkan inti pada roti dan bahagikan kepada empat penjuru. Untuk acuan besar,

- boleh letak inti di tengah-tengah roti.  
2) Ambil sekeping lagi roti, letak di atas roti yang dah diletakkan inti tadi.  
3) Anggarkan tempat untuk menekap roti. Untuk acuan kecil, tekap tengah pada setiap empat bahagian. Untuk acuan besar, tekap betul-betul di tengah roti.  
4) Tekan dengan kuat supaya roti tercantum atas dan bawah.  
5) Jika roti terbuka, sapukan sedikit air pada bahagian tepi roti untuk melekatkan roti.  
6) Goreng menggunakan minyak yang panas. Goreng sekitar 7-8 saat pada setiap belah.  
7) Setelah roti bertukar perang, ianya sedia untuk dihidangkan.

## Tuna Mini Quiche



### BAHAN-BAHAN

12 keping roti gardenia (dilenyek dan dipotong bulat)  
1 tin tuna cili pedas  
1 cawan keju Cheddar parut  
Marjerin  
5 biji telur  
1 1/2 cawan susu segar atau susu cair  
Sedikit serbuk lada hitam

### CARA MEMASAK

- 1) Campurkan telur, susu segar atau susu cair dan serbuk lada hitam. Kacau rata dan ketepikan.
- 2) Sapu marjerin pada pan muffin.
- 3) Tekan roti yang dilenyek tadi dan masukkan dalam bekas muffin.
- 4) Letakkan keju dan tuna pada roti.
- 5) Tuangkan bahan pada langkah (1) di atas roti.
- 6) Letakkan keju Cheddar lagi dan taburkan serbuk oregano di atasnya.
- 7) Bakar pada suhu 180°C selama 25 minit.



## Pizza Roti

### BAHAN-BAHAN

Roti  
Sos tomato  
Sos cili  
Sosej  
Keju Mozarella  
Sayur campur

### CARA MEMASAK

- 1) Susun roti di atas loyang.
- 2) Sapukan sos tomato dan sos cili pada roti.
- 3) Letakkan sayur campur, sosej dan diikuti dengan keju pada roti.
- 4) Sapukan mayonis pada roti.
- 5) Masukkan ke dalam ketuhar dan bakar pada suhu 150°C selama 20 minit.

Kredit: [Saji.My](#)

# Belajar Bahasa Inggeris sambil menonton filem

FATIHAH AMIR

**B**EALAJAR dengan menggunakan cara yang anda rasakan seronok dan tidak membosankan, seperti menonton Netflix, adalah medium yang terbaik untuk kekal istiqamah dalam mencapai ‘misi bahasa’ yang diidamkan. Ideanya

mudah, anda tidak akan pernah berasa bosan dan mahu berhenti separuh jalan.

Selain itu, adalah lebih mudah untuk mengingati perkataan-perkataan baharu dan struktur ayat jika kesemuanya dikaitkan dengan sesuatu yang menarik perhatian anda.

Menonton filem-filem Bahasa

Inggeris dan siri-siri rancangan di Netflix terutamanya adalah sangat membantu, ini kerana Netflix mempunyai bahan-bahan yang tidak pernah habis untuk anda. Mereka sentiasa menambah bahan-bahan Bahasa Inggeris yang baharu ke dalam laman web mereka.

Tambahan lagi, tidak seperti kebanyakan TV, Netflix

membuatkan kesemua episod rancangan TVnya bagi sesuatu musim tersedia sekali gus pada satu-satu masa. Ini bermakna, anda tidak perlu tertunggu-tunggu untuk menonton episod baru.

Selain itu, Netflix pada kebanyakan masanya sentiasa menawarkan pilihan-pilihan sari kata yang pelbagai.

Para pelajar yang baru bermula boleh meletakkan sari kata dalam bahasa pilihan mereka, sementara buat mereka yang lebih fasih, adalah lebih baik untuk menggunakan sari kata Bahasa Inggeris bagi meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca dalam masa yang sama menonton rancangan-rancangan yang ada. **WK**



## #1 Stranger Things

**SIRI** rancangan sains fiksyen penuh imaginasi ini mula ditayangkan pada tahun 2016. Ia menampilkan Winona Ryder, David Harbour dan sebahagian besar pelakon-pelakon muda yang berbakat besar.

Rancangan ini berlatarkan tahun 1980-an di Hawkins, Indiana. Hawkins adalah sebuah pekan kecil di A.S., terletak bersebelahan

rakan mereka Will, yang telah pun hilang tanpa khabar berita.

Bagi pelajar Bahasa Inggeris, anda akan dapat untuk mempelajari banyak perkataan-perkataan berkaitan dengan sains fiksyen, pendidikan dan lain-lain lagi. Anda juga akan dapat mempelajari loghat dan ekspresi yang digunakan oleh remaja-remaja di dalam rancangan ini.

dengan sebuah fasiliti rahsia kerajaan, di mana kerajaan pada masa itu sedang menjalankan eksperimen-eksperimen yang tidak masuk akal dan berbahaya. Sebahagian besar cerita ini memberikan fokus kepada remaja-remaja, anak jati kawasan itu yang mesti membongkar kebenaran mengenai

## #2 The Crown

**SEMENTAK** kemunculan sulungnya pada tahun 2016, “The Crown” telah pun meraih populariti dengan begitu cepat menjadikannya salah satu rancangan yang paling banyak ditonton. Ianya sangat bersesuaian buat mereka yang menggemari drama dan sejarah.

Rancangan ini menampilkan Claire Foy, John Lithgow dan Matt Smith, di mana kesemua pelakon ini telah pun memberikan persembahan yang sangat baik.

Rancangan ini mengisahkan tentang cerita pemerintahan Ratu Elizabeth II, yang bermula pada zaman 1940-an. Para pentonton dapat menyaksikan sejarah dan budaya—termasuklah fesyen, teknologi dan isu-isu sosial—yang berkembang di samping kehidupan ratu tersebut.

Anda akan dapat belajar banyak perkataan-perkataan Bahasa Inggeris dari jenis yang pelbagai, termasuklah banyak perkataan-perkataan sejarah. Ini juga adalah pilihan yang tepat buat pelajar yang berminat untuk membentuk dan berlatih loghat Britain ataupun belajar Bahasa Inggeris yang formal dan yang lebih akademik.



## #3 The Guernsey Literary and Potato Peel Pie Society

**MULA** ditayangkan pada tahun 2018, “The Guernsey Literary and Potato Peel Pie Society” ialah sebuah cerita yang penuh emosi. Filem ini menggabungkan percintaan, sejarah dan kuasa pembacaan.

Pelakon wanita Lily James memainkan watak seorang penulis dari kota London yang menemui rahsia di sebalik pembentukan sebuah kelab sastera di kepulauan Guernsey. Cerita ini berlatarkan masa sebaik selepas penjajahan tentera Jerman ke atas pulau tersebut semasa perang dunia ke-2.



Para pelajar akan dapat mendengar pelbagai loghat Britain. Anda juga akan berpeluang berlatih kemahiran membaca sambil menonton rancangan ini dengan membeli buku yang memberi inspirasi kepada filem ini.

## #4 A Series of Unfortunate Events

**BAGI** mereka yang mencari cerita dengan genre satira, “A Series of Unfortunate Events” adalah pilihan terbaik untuk anda. Rancangan ini di adaptasi dari buku 13 siri ditulis oleh Lemony Snicket. Oleh sebab itu, jika anda suka rancangan ini, anda juga boleh mengasah kemahiran membaca dengan mendapatkan bukunya.

Pelakon berbakat besar, Neil Patrick



Harris memainkan watak Count Olaf yang jahat. Dia merupakan seorang penjahat gila yang cuba untuk mencuri kekayaan tiga anak yatim bernama Violet, Klaus dan Sunny. Namun begitu, ketiga-tiga orang kanak-kanak tersebut tersangat cerdik dan berani untuk berhadapan dengan situasi-situasi yang tidak masuk akal dan penuh tipu telah.

Para pelajar Bahasa Inggeris akan dapat memanfaatkan pendedahan terhadap perkataan-perkataan yang sangat kompleks yang telah didefinisikan secara sistematis di dalam buku dan rancangan ini. Hal ini kerana, jika narator ataupun karakter di dalam cerita ini menyebut perkataan yang sangat sukar untuk difahami, dia akan terus memberikan maksudnya kepada penonton.

# Rangka Tindakan Ekonomi Digital: Selebriti sahut seruan kerajaan



DEEL ANJER

**RANGKA** Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTED) yang akan

dilaksanakan sehingga tahun 2030 bakal menjadikan negara sebagai peneraju dalam ekonomi digital dan mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab serta mampan.

Tiga objektif RTED adalah untuk menggalakkan pemain industri menjadi pencipta dan pengguna model perniagaan yang inovatif, melahirkan modal insan yang berupaya untuk

berdaya saing dan memupuk ekosistem bersepadu yang akan membolehkan masyarakat mengambil bahagian dalam ekonomi digital. RTED turut disokong oleh

golongan selebriti apabila ramai antara mereka memulakan bisnes dan berasaskan dasar ini lebih meyakinkan rakyat untuk sama-sama menaikkan ekonomi Malaysia.

## Khai Bahar cabar diri dalam bisnes

“Dasar RTED ini sangat bagus dan inilah yang ditunggu-tunggu rakyat termasuklah kami golongan selebriti.

“RTED adalah tanda prihatin serta sokongan kerajaan dalam melihat rakyat bangkit untuk membina semula ekonomi misalnya menjana pendapatan diri dengan bisnes.

“Saya juga menganggap ini adalah satu cabaran dan peluang untuk saya mampu masyarakat di luar sana.

“Saya harap, dasar ini terus memberi manfaat berterusan kepada semua rakyat Malaysia,” jelas Khai Bahar yang kini bergelar usahawan produk.

Baru-baru ini penyanyi lagu Luluh dan Durja ini telah mengeluarkan produk pelangsing, K Slimz iaitu minuman perasa coklat.

Bagi Khai, dia menyedari nama popular semata-mata bukan tiket mudah untuk dirinya berjaya dalam bisnes produknya itu.

“Mungkin satu kelebihan buat saya apabila mengeluarkan produk di saat nama sedang dikenali. Ia secara tak langsung membuatkan peminat ingin tahu tentang produk tersebut.

“Namun nama popular tidak cukup untuk mlariskan produk, sebaliknya pasukan yang bagus dan kreatif dalam bisnes secara dalam talian sangatlah penting.

“Saya bersyukur mempunyai pasukan yang sangat memberi komitmen, berdedikasi dan sentiasa mengatur strategi terbaik untuk menaikkan nama produk ini,” katanya yang sudah bersedia berhadapan dengan dugaan dalam bisnes.

Menurut Khai Bahar, 27, atau nama sebenarnya Muhammad Khairul Baharuddin, dia memilih untuk mengeluarkan produk pelangsingan kerana pernah mengalami masalah berat badan sebelum ini.

“Sebab saya sendiri apabila berat badan naik, memang susah nak turun tambahan dengan jadual kerja saya yang padat, kadangkala sukar mencari masa untuk bersenam.

“K Slimz adalah formula terbaik untuk wanita dan lelaki yang bekerjaya serta pada masa sama mahu mengekalkan kecerdasan dan penampilan mereka,” kata Khai.

Menurutnya lagi, minuman coklat ini memang dapat membantu menyelesaikan masalah individu berat

yang menghadapi badan berlebihan, membakar lemak degil terutama pada bahagian perut, pinggul dan paha.

“Pengambilan K Slimz juga dapat membantu mengawal selera makan dan ini akan mempercepatkan lagi proses penurunan berat badan,” ujarnya lagi.



Khai Bahar

## Pernah gagal dalam bisnes, Saharul Ridzwan bangkit

untuk tidak berputus asa dalam apa jua yang dilakukan terutamanya bisnes.

Pelakon Saharul Ridzwan, 32, mengaku pernah beberapa kali gagal dalam bisnes namun tetap bangkit tanpa jemu. Semangatnya ini menjadi inspirasi buat rakyat agar tidak mudah lemah dengan cabaran.

“Saya akui pandemik COVID-19 ini sedikit sebanyak menggambarkan apa yang akan terjadi kepada saya andai rezeki dalam lakonan berkurangan pada masa akan datang.

“Iyalah, saya harus terima hakikat tidak selamanya saya akan memegang watak utama dan mendapat bayaran seperti sekarang. Tambah pula ramai muka baharu yang hebat-hebat.

“Jadi, sejak beberapa tahun kebelakangan ini saya mula buat bisnes sebagai persediaan.

“Tidak dinafikan, sudah beberapa kali saya gagal dalam bisnes. Nak tahu, dulu saya pernah berniaga serunding. Namun semuanya rosak kerana saya tiada pengalaman dalam menguruskan stok.

“Bukan itu sahaja, ada beberapa bisnes lain turut gagal. Apa-apa pun saya tidak patah semangat kerana saya yakin, rezeki tetap ada kepada mereka yang berusaha,” katanya yang kini tampil dengan produknya sendiri iaitu wangian aromatik jenama Ode Scents.

Ode Scents adalah wangian aromatik yang sesuai untuk kediaman dan kereta.

Menurut Saharul, idea untuk memulakan bisnes wangian itu bermula ketika bertemu dengan seorang individu yang juga kini menjadi rakan kongsinya iaitu Nadzir Samsuddin.

“Saya yakin untuk bersama-sama Nadzir dalam membangunkan bisnes ini kerana dia sememangnya mempunyai pengalaman dalam produk wangian.

“Saya akui tidak pandai bniaga, tetapi rakan kongsinya itu tetap memberi keyakinan kepada saya untuk menjalankan bisnes ini.

“Apa yang lebih penting untuk memulakan bisnes adalah mempunyai pasukan pemasaran yang kuat dalam memasarkan dan mempromosikan produk,” ujarnya yang turut mengeluarkan modal sebanyak RM250,000 bersama rakan kongsinya itu sebagai kos permulaan.

Produk wangian Ode Scents yang dikeluarkan oleh syarikat Pack Houz Sdn Bhd ini mempunyai lima jenis wangian iaitu Island Escape, Perfect Peony, English Fresia, Summer Dream dan Wild Fig. **W.K**



SAHARUL RIDZWAN

## Seorang lelaki, empat wanita ditahan miliki dadah - Polis Labuan



56 paket dadah Metamphetamine turut dirampas hasil serbuan.

LIMA individu yang membabitkan seorang lelaki dan empat wanita warga tempatan ditahan oleh polis kerana didapati memiliki dadah.

Tangkapan itu dijalankan oleh sepasukan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik dalam dua serbuan berasangan pada Khamis lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Labuan, **Deputy Superintendent Mohd Ibrahim Mohd Ghani** berkata, serbuan pertama yang melibatkan dua wanita di kawasan meletak kereta di Labuan Times Square.

“Sebanyak tiga paket dadah jenis syabu telah ditemui ketika pemeriksaan ke atas badan salah seorang suspek dan berat dadah

tersebut dianggarkan lebih kurang 7.26 gram,” katanya dalam satu kenyataan, pada Ahad.

Sementara itu, beliau berkata serbuan kedua pada jam 1.30 petang dan pihaknya telah menahan seorang lelaki dan dua wanita di sebuah perumahan di Jalan Pulau Buah di sini.

Katanya, hasil serbuan telah menemui sebanyak 56 paket plastik pelbagai saiz yang kesemuanya berisi ketulan kristal dipercayai dadah jenis Metamphetamine seberat 78.15 gram.

“Turut dirampas wang tunai berjumlah RM 4975 dipercayai diperolehi daripada kegiatan jual beli dadah serta sebuah kendaraan jenis Isuzu D-Max,” katanya.

Kesemua suspek yang juga merupakan warga tempatan berumur lingkungan 25 hingga 38 tahun telah ditahan reman.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39A(1) ADB 1952 dan Seksyen 15 (1)(a) ADB 1952, Seksyen 39B ADB 1952 dan FOP - Akta Dadah Berbahaya (Perlucutahan Harta) 1988 (A340).

Jika disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau hukuman penjara tidak melebihi dua tahun dan tidak lebih lima tahun dengan rotan sebanyak tiga hingga sembilan kali jika sabit kesalahan atau hukuman mati atau penjara seumur hidup. **WK**

Sumbangan bantu ringankan beban

## MAIWP santuni 27 mangsa kebakaran



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**M**AJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan menyantuni mangsa kebakaran rumah kongsi di Taman Kian Yap dengan menyalurkan Bantuan Bencana Musibah bernilai RM14,700 membabitkan 27 buah keluarga.

Pengurusnya, **Md Fadzli Mohd Saad** berkata, bantuan itu disalurkan kepada kesemua keluarga yang terlibat dalam kebakaran pada 13 Februari lalu.

“Kita (MAIWP) telah menyalurkan sebanyak RM300 kepada mangsa bujang manakala bagi yang berkeluarga menerima RM600.00.

“Dengan bantuan ini, kita harap ia dapat membantu meringankan



MD Fadzli (tengah) menyerahkan bantuan musibah kepada mangsa kebakaran.

beban mereka yang terlibat dalam kebakaran itu,” katanya

Beliau berkata sedemikian selesa Majlis Penyerahan Bantuan Musibah kepada mangsa kebakaran rumah kongsi di Taman

Kian Yap.

Jelasnya, pihaknya turut membantu lima buah keluarga bukan beragama Islam daripada kesemuanya keluarga terlibat dalam kebakaran itu.



MD Fadzli (tengah) menyampaikan simbolik bantuan kepada wakil mangsa kebakaran rumah kongsi di Taman Kian Yap, pada Ahad lalu.

“Kesemua keluarga telah kita bantu dan keluarga bukan beragama Islam ini agama berkasih sayang dan membantu masyarakat yang ditimpah musibah,” katanya.

“Ini menunjukkan betapa prihatininya MAIWP terhadap

golongan yang ditimpah musibah serta ia menunjukkan bahawa agama Islam ini agama berkasih sayang dan membantu masyarakat yang ditimpah musibah,” katanya. **WK**

## Program Imunisasi COVID-19 di Labuan berjalan lancar

KUMPULAN pertama menerima suntikan vaksin Pfizer-BioNTech di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan peringkat Labuan berjalan lancar, pada Sabtu lalu.

Kumpulan yang terlibat menerima suntikan vaksin itu adalah barisan pemimpin iaitu Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Senator Datuk Bashir Alias, Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Labuan Rithuan Ismail, Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari, Pengerusi Perbadanan Labuan Dato Sri Amir Hussien, Ketua Polis Labuan DSP Mohd Ibrahim Mohd Ghani dan

Pengarah Majlis Keselamatan Negara Labuan Mohd Hafiez Daud.

Bashir dalam ucapannya ketika Majlis Pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan itu berkata, Program Imunisasi itu mengandungi tiga fasa yang mana bagi fasa pertama akan melibatkan petugas barisan hadapan, bermula pada 26 Februari sehingga April.

“Fasa Kedua pula akan bermula pada bulan April sehingga Ogos dan akan melibatkan kumpulan yang berisiko tinggi, manakala fasa ketiga akan melibatkan golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas, bermula dari bulan Ogos sehingga Februari tahun hadapan,” katanya.

Justeru itu, beliau turut menyeru agar masyarakat untuk

mendaftarkan diri mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera.

“Marilah kita sama-sama putuskan rantaian jangkitan sebagai menghargai kemudahan yang kerajaan telah sediakan.

Menurut beliau, seluruh penduduk Labuan yang membabitkan kira-kira 100,000 jumlah penduduk di Labuan akan menerima suntikan vaksin COVID-19 sehingga bulan Februari tahun depan.

Terdahulu, sebanyak sepuluh petugas media di Labuan turut menerima suntikan vaksin itu terdiri daripada petugas media Radio Television Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama). **WK**



BASHIR menerima suntikan vaksin Pfizer-BioNTech pada Sabtu lalu.

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

# Pertubuhan Wanita Anggun Bestari bantu pelajar kurang berkemampuan



HASLINDA menyerahkan bantuan sumbangan gajet kepada salah seorang pelajar kurang berkemampuan di Hulu Langat baru-baru ini.

**SYAHIDI BAKAR**

**BAGI** memudahkan lagi proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam kalangan pelajar kurang berkemampuan, mendorong Pertubuhan Wanita Anggun Bestari tampil menyumbangkan peralatan gajet kepada pelajar terpilih.

Inisiatif dilaksana melalui Program Bantuan Gajet kepada tiga pelajar di Kampung Padang serta Kg Sungai Congkak, Hulu Langat itu, antara usaha prihatin diambil oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu menyantuni golongan memerlukan.

Menurut jurucakap, Haslinda Mustaffa, antara objektif program tersebut adalah bagi membantu pelajar terbabit meneruskan sesi PdPR dengan selesa tanpa perlu berebut

dengan adik-beradik yang lain untuk menggunakan gajet.

Katanya, memahami situasi penularan pandemik COVID-19 telah menyebabkan sesi persekolahan tertangguh dan memerlukan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian, telah mendorong Pertubuhan Wanita Anggun Bestari tampil untuk mempermudah proses pembelajaran berjalan.

"Kami memahami bagi keluarga kurang berkemampuan, wujud kekangan dalam kalangan ibu bapa untuk membeli gajet sebagai memenuhi keperluan bagi pembelajaran anak-anak.

"Jadi melalui program sumbangan ini, ia secara langsung membolehkan sesi PdPR anak-anak ini berlangsung selain meringankan beban ibu

bapa. Kami tidak mahu para pelajar terbabit keciciran di dalam menimba ilmu, mencapai cita-cita mereka," katanya ketika serahan sumbangan gajet kepada tiga pelajar di Hulu Langat, baru-baru ini.

Sementara itu, sumbangan diberi kepada pelajar sekolah menengah berbentuk Chrome Books manakala pelajar sekolah rendah pula menerima telefon pintar yang terkini dan dilengkapi perisian untuk mengikuti sesi pembelajaran dengan kondusif.

Selain itu kata Haslinda, setiap keluarga pelajar terbabit turut menerima sumbangan berbentuk barang keperluan asas untuk kegunaan mereka seterusnya mengurangkan beban belanja seisi keluarga.

WK

## Membudayakan keusahawanan dalam komuniti

**INISIATIF** oleh Bahagian Perkhidmatan Komuniti, Perbadanan Putrajaya (PPj), menganjur program berasaskan latihan keusahawanan, perlu direbut oleh komuniti setempat.

Peluang terhidang melalui pelaksanaan Program Kulineri Membuat Biskut dan Masakan Menu Bajet yang berlangsung pada 27 dan 28 Februari lalu, berpotensi bagi penduduk Putrajaya memulakan perniagaan kecil-kecilan tanpa perlukan modal yang besar.

Menurut Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Komuniti PPj, Izanina Hajemi, atas faktor permintaan pasaran semasa, kursus yang diikuti perlu dimanfaatkan peserta untuk menjual biskut terutamanya menjelang musim perayaan tidak lama lagi.

Katanya, dengan tunjuk ajar pakar pastri dan kek terkenal, Chef Anuar yang turut berkongsi pelbagai selok-belok perniagaan dan penghasilan biskut wajar dipraktikkan oleh peserta yang bersungguh untuk menjana pendapatan.

"Dengan berkongsi tips pembuatan lima biskut antaranya Tart Gulung Cheese, Bangkit Cheese dan Norris Cookies serta



TEKNIK dan penyediaan gulai ikan tongkol turut diajar dalam sesi program Masakan Menu Bajet.

Chocolate Chip Banjir yang digemari ramai, peluang peserta untuk menjual kepada komuniti setempat sudah tersedia.

"Selain biskut, sesi kedua program menyajikan masakan menu bajet seperti kerutuk ayam, gulai ikan tongkol, nasi kerabu dan nasi dagang boleh dihasilkan sebagai menu jualan terutama apabila menjelang Ramadan nanti,"

katanya.

Program selama dua hari itu disertai 30 peserta dengan yuran penyertaan RM50 berbaloi kerana peserta dibimbang secara terus, didedahkan asas perniagaan termasuk pengiraan kos produk serta pemilihan dan penggunaan bahan sesuai untuk menghasilkan produk berkualiti dan memenuhi cita rasa pelanggan. WK

## Surau, manTAP jalir usahasama anjur Program Tilawah Al-Quran

**BUAT** julung kalinya, hasil kerjasama yang dijalin Surau al-Iman (SAI) Presint 9, dengan persatuan manTAP, membolehkan penganjuran program sulung Tilawah al-Quran diadakan dengan jayanya.

Program telah berlangsung dalam suasana yang penuh kenikmatan dan keberkatan itu turut sama mematuhi SOP yang ditetapkan dengan semua ahli kariah yang hadir mengamalkan penjarakan sosial selain memakai topeng pelitup muka.

Menurut Yang Dipertua manTAP, Zed Khalib, kerjasama dijalin bersama SAI yang diterajui oleh Ahli Jawatankuasa Haji Ir. Hazery Azmi sangat positif dan profesional membolehkan program julung kali dianjurkan berjalan lancar.

"Saya ingin ucap berbanyak terima kasih kepada pihak SAI yang profesional, penuh keikhlasan dan menyerlahkan lagi kelancaran program ini. "Adalah suatu yang

membanggakan kita apabila kerjasama dijalin bukan sekadar membolehkan program Tilawah al-Quran yang diadakan lancar malah mengukuhkan lagi silaturahim," katanya sambil memuji kerjasama bersama persefahaman yang dibentuk kedua belah pihak.

Dalam pada itu, program Tilawah al-Quran sesi kedua dijadualkan pada 5 Mac ini menampilkan Johan Qari Antarabangsa 2019, Ustaz Abd. Khair Jalil akan berlangsung di surau yang sama. WK



WAN Fakhru Razi ketika membacakan salah satu surah dalam program Tilawah al-Quran yang diadakan baru-baru ini.

# Naim kecewa gagal ke Olimpik 2020

AINI MAWAWI

**B**UKAN mudah untuk melayakkan diri ke pemilihan Sukan Olimpik 2020, namun atlet sukan kayak, Khairul Naim Zainal, 21 terpaksa akur apabila rezekinya terhenti di pusingan *semi final* sahaja.

Ternyata kegagalan menempatkan diri ke peringkat akhir Kejohanan Dunia ICF Kanu Sprint Szeged, Hungary, 2019 lalu amat menggecewakan atlet yang lebih dikenali sebagai Naim ini.

"Sedih bila apa yang diharapkan tidak menjadi kenyataan. Saya bercita-cita untuk mengharumkan nama negara dalam sukan kayak tapi tidak kesampaian," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, kecederaan di anggota badannya akibat kemalangan jalan raya seminggu sebelum kejohanan tersebut turut membataskan persembahannya.

"Kecederaan ketika itu juga merupakan salah satu sebab gagal ke *final*.



**NAIM** kutip pengalaman di negara orang.



Saya tidak boleh terlalu memaksa diri kerana bimbang menjadi lebih serius," ujarnya.

Pun begitu, dia berharap berpeluang untuk mencuba lagi pada masa akan datang.

"Biarpun terkandas namun saya belajar banyak perkara tentang sukan kayak daripada mereka yang berpengalaman sepanjang berada di sana. Antaranya dari segi latihan, pemakanan dan sebagainya.

"Dari segi pemakanan misalnya, baru saya tahu semakin menghampiri kejohanan, kita perlu ambil lebih banyak karbohidrat seperti roti, coklat supaya badan lebih ringan," ujarnya yang bakal menyertai pemilihan Sukan SEA yang dijangka pada bulan ini.

Selain sibuk dengan latihan sukan, penuntut Diploma Pengurusan Sukan, Universiti Teknologi Mara ini turut bekerja sebagai pengantar makanan sambilan bagi mencari wang saku.

"Saya bukan orang yang suka

## Kejayaan Khairul Naim

2019 - International Canoe Federation upper lake (India)

K1 200 m: Nombor 5,  
K1 500 m: Nombor 4,  
K2 200 m: Nombor 4,  
K2 500 m: Nombor 4

2019 - World Championship Szeged, Hungary

K1 500 m: Semi Final,  
K2 500 m: Final B

2019 - Tanjung Pinang International Canoe, Indonesia

K1 500 m: Emas  
Facebook: khairul naim bin zainal  
Instagram: @khairulnaim631

duduk diam. Lebih banyak bergerak menghantar makanan kepada pelanggan secara tidak langsung, saya sedang melakukan senaman juga," ujarnya. WK

## Liga-M: MFL terima tajaan lebih RM33.4 juta

**LIGA** Bola Sepak Malaysia (MFL) berjaya memperoleh tajaan berjumlah RM33.4 juta yang turut merangkumi hak penyiaran perlawanan bagi memastikan kelancaran saingan Liga Malaysia (Liga-M) musim 2021.

Tanpa mendedahkan butiran penaja, Presiden MFL, Datuk Hamidin Mohd Amin memaklumkan, badan pentadbir Liga-M itu menjangka beberapa lagi penaja akan tampil, namun ia masih di peringkat perbincangan.

"Sehingga kini, jumlah penajaan adalah RM33,428,000 dan jumlah itu melibatkan hak penyiaran, penajaan yang antaranya dalam bentuk barang dan perkhidmatan.

"Itu jumlah kita berjaya dapatkan dalam tempoh pandemik COVID-19 dan kita sebenarnya ada beberapa lagi peluang penajaan yang masih dalam perbincangan dan belum ditandatangani, jadi kita harap akan ada penambahan dalam masa terdekat," katanya pada sidang media majlis pelancaran Liga-M 2021 pada Isnin.

Majlis pelancaran itu disempurnakan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif MFL Datuk Ab Ghani Hassan serta Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Ahmad Shapawi Ismail.

Pada November lepas, dua syarikat swasta, CIMB dan AirAsia menamatkan kerjasama penajaan bagi saingan Liga-M 2021 sebelum syarikat penerbangan tambang murah itu kembali menyatakan minat untuk menjadi salah satu penaja bagi saingan musim ini pada Disember.

Musim lepas juga menyaksikan perjalanan Liga-M terjejas dengan jumlah perlawanan liga dipendekkan selain pembatalan beberapa kejohanan antaranya Piala FA dan Piala Malaysia. - BERNAMA



MALAYSIAN FOOTBALL LEAGUE



HAMIDIN

## E-Sukan secara rasmi tawar pingat pada Sukan Asia 2022

**E-SUKAN** akan membuat penampilan sulungnya sebagai sukan yang ditawarkan pingat secara rasmi pada Sukan Asia ke-19 di Hangzhou, China tahun hadapan, demikian menurut Majlis Olimpik Asia (OCA) baru-baru ini.

Perkara itu diumumkan semasa majlis menandatangani perkongsian secara maya yang mana OCA dan Persekutuan Sukan Elektronik Asia (AESF) menjadi rakan kongsi tunggal dalam menganjurkan dan menguruskan program e-sukan pada temasya yang dijadualkan berlangsung pada 10 September 2022.

Ini bermakna AESF akan menganjurkan dan menguruskan pertandingan kelayakan serantau dan temasya itu sendiri di Hangzhou 2022, dengan sokongan dan kuasa penuh OCA. Persediaan ini, menurut OCA

akan diteruskan pada Sukan Asia pada masa hadapan.

Sebanyak enam pingat acara akan dipertandingkan di bawah program e-sukan di Hangzhou 2022 dan AESF akan memilih tajud permainan dan menyerahkan senarai untuk kelulusan oleh OCA.

Selain itu, OCA dan AESF turut mengumumkan kempen 'Road to Asian Games' pada majlis itu antaranya, akan merangkumi aspek pendidikan, projek kelestarian dan legasi, pembangunan akar umbi, laluan kerjaya, sokongan kesihatan dan kesejahteraan serta inisiatif membantu komuniti dikenali sebagai 'AESF Experience Programme'.

Presiden AESF Kenneth Fok dipetik sebagai berkata Sukan Asia menampilkan platform terbaik untuknya berkongsi nilai olimpik dengan komuniti e-su-

kan dan ia akan berusaha untuk menjadikan komuniti e-sukan berkembang menerusi peluang ini.

"Kami mengalu-alukan kerjasama yang berjaya dengan OCA dan Jawatankuasa Penganjur Tempatan untuk Sukan Asia Hangzhou ke-19 pada 2022," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Ketua Pengarah OCA Husain Al-Musallam berkata badan pengelola Sukan Asia akan memberikan sokongan penuh untuk menjayakan acara e-sukan pada temasya itu.

Pada Sukan Asia ke-18 di Indonesia pada 2018, e-sukan dipilih sebagai acara demonstrasi yang menampilkan tajuk e-sukan seperti League of Legends, Arena of Valor, Pro Evolution Soccer 2018, StarCraft II, Hearthstone dan Clash Royale. - BERNAMA



E-SUKAN sangat diminati pada masa ini terutama daripada golongan muda.



Sumbangan peribadi memberi manfaat kepada keluarga penerima

## Celoreng merah terima MYBeras

**S**UNGGUHPUN pasukan celoreng merah ini tangkas apabila berhadapan dengan risiko ketika waktu kecemasan, mereka tetap melaksanakan tanggungjawab dengan penuh berdedikasi.

Pengorbanan mereka yang setia berdamping dengan warga kota tidak dilupakan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan YAYasan Wilayah Persekutuan (YWP) apabila kelompok itu turut menerima kira-kira 300 kampit beras sebagai penghargaan.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba (PKPjB) Nordin Pauzi ketika ditemui, menzahirkan kesyukuran kerana pasukannya turut tersenarai sebagai penerima sumbangan MYBeras sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2021.

“Pegawai dan anggota bomba juga merupakan penghuni bandar. Maka bantuan yang diberikan

ini adalah bertepatan dengan slogan yang diangkat iaitu ‘Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin’.

“Tidak semua bomba berpagkat besar malah mereka yang terdiri daripada anggota biasa mempunyai tanggungjawab serta perlu kepada bantuan,” katanya kepada *Wilayahku* selepas Majlis Penyerahan Sumbangan MYBeras kepada JBPM Kuala Lumpur di Balai Bomba Jalan Hang Tuah pada Sabtu.

Penyerahan tersebut disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annur Musa. Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, Pengarah Eksekutif DBKL, Anwar Mohd Zain dan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Nordin berkata, beliau melihat kemajuan sesebuah negara khususnya di kawasan bandar yang pesat membangun seperti Kuala Lumpur mempunyai cabaran kritikal, maka keperluan untuk menyediakan persekitaran selamat dan sejahtera semakin



ANNUAR (kanan) menyampaikan sumbangan beras kepada seorang Pengurus Balai Bomba sebelum diagihkan kepada anggota yang layak.

tinggi malah risiko yang perlu ditanggung juga semakin tinggi.

“Orang yang mengambil risiko untuk menghadapi risiko demi menyelamatkan nyawa adalah

menyumbang kepada masyarakat. Mereka lah kalau dikatakan kumpulan tergolongan sebagai ‘pain more’,” katanya.

Menurut Nordin, bagi pihak JBPM Kuala Lumpur, beliau mengucapkan terima kasih kepada Annur di atas keprihatinan dengan mengambil kira kelompok warga bomba yang berpagkat rendah sebagai penerima bantuan.

“Bantuan untuk kegunaan peribadi seperti sumbangan ini adalah satu bentuk keprihatinan kepada anggota yang mungkin menghadapi masalah kerana mereka merupakan kelompok penjawat awam yang berjadi rendah. Jadi bantuan berbentuk peribadi dialu-alukan kerana ia boleh dibawa balik ke rumah untuk manfaat seisi keluarga.

“Ia juga mempunyai nilai yang tersendiri untuk keluarga besar bomba Kuala Lumpur jadi saya sangat berterima kasih kepada KWP dan YWP kerana tidak meminggirkan pasukan bomba,” katanya. WK

pasukan berpakaian seragam dan dalam hal ini ia turut melibatkan pegawai dan anggota bomba.

“Jadi saya kira, mereka perlu diberi perhatian supaya dapat

RUHAINIES



## Rakyat perlu hormati petugas barisan hadapan

DEEL ANJER

**KECOH** sebelum ini apabila netizen seolah-olah menyalahkan petugas barisan hadapan yang menjalankan ujian calitan COVID-19 terhadap pelakon popular Ruhainies.

Ini semua tercusus apabila Ruhainies memuat naik video melakukan ujian calitan COVID-19 menerusi Instagram baru-baru ini yang mengundang pelbagai reaksi dalam kalangan netizen.

Ruhainies atau nama sebenarnya, **Nur Ruhainies Farehah Zainul Ilyas**, 28, tampil mempertahankan petugas tersebut kerana apa yang dianggap netizen adalah salah faham.

“Hormatlah petugas barisan hadapan. Mereka banyak berkorban untuk kita semua. Jadi janganlah cepat salah faham ker-

ana saya sendiri tidak duduk diam sewaktu proses ujian itu.

“Tidaklah kasar seperti yang dibayangkan sesetengah netizen. Mungkin hanya sudut video ia kelebihan sedemikian. Bagi saya okay sahaja. Malah sebelum buat ujian itu pun, petugas kesihatan tersebut beri masa untuk saya bertengang.

“Ketika itu, hanya saya yang berada di klinik swasta terabit untuk menjalankan ujian saringan. Tidaklah petugas tersebut melakukan sesi itu secara kasar kerana ramai yang menunggu giliran sebagaimana yang disangka sesetengah pihak.

“Mungkin yang beri komen itu melalui pengalaman berbeza dengan saya. Jadi masing-masing boleh memberikan pendapat,” katanya yang mengaku perasaan setiap orang itu berbeza setiap kali berhadapan dengan ujian calitan COVID-19.

“Orang yang rapat dengan saya tahu mengenai tahap ketakutan saya terhadap hal sedemikian. Seharian tidak boleh tidur bila esoknya ada

temuanji ‘swab test’. Malah sepanjang 29 tahun ini, saya hanya sekali masuk wad. Itu pun kerana menjalani pembedahan apendik.

“Sebolehnya saya elak untuk masuk hospital sebab takut punya fasal, sampai begitu sekali. Keluarga pun faham.

“Jadi bila juga yang cakap hanya mengada-ngada lebih, orang boleh cakap macam-macam. Masing-masing ada pendapat dan mungkin petugas yang lakukan ujian terhadap mereka buat dengan lembut atau mereka tidak penakut macam saya.

“Yang penting, petugas tersebut sudah jalankan ujian saringan dengan baik. Saya pun tidaklah rasa sakit atau ada kesan sampingan selepas itu.

“Alhamdulillah, hasil keputusan yang diterima juga negatif,” katanya akan menjalani penggambaran drama bersiri berjudul Cukup Derita Itu bersama para pelakon lain seperti Jasmin Hamid, Didie Alias, Chacha Maembong dan rami lagi. WK